BOY DICOR ESTANDA

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
RAMLY ALI HMR
CLEMENT SKINNER HMR
ABDUL AZIZ RAHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: S-05-77-2010]
21 MAC 2013

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Kecacatan atau ketaksahan - Dakwaan ketidakupayaan untuk memplid - Sama ada menyebabkan prosiding perbicaraan tidak sah dan terbatal - Sama ada perayu memahami pertuduhan - Sama ada ketidakupayaan dibuktikan - Sama ada perayu memahami dan mengikuti prosiding sehingga selesai*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembunuhan - Pembelaan - Pembelaan tidak waras akal - Sama ada perayu mengetahui tindakannya semasa kejadian - Sama ada perayu hilang ingatan semasa kejadian - Sama ada pembelaan dibuktikan atas imbangan kebarangkalian - Kanun Keseksaan, ss. 84 & 302*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembunuhan - Pembelaan - Pembelaan tidak waras akal - Perbezaan antara "legal insanity" dan "medical insanity" - Sama ada relevan dalam pentafsiran pembelaan insanity - Sama ada hanya "legal insanity" yang perlu dipenuhi - Kanun Keseksaan, ss. 84 & 302*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembunuhan - Rayuan - Pembelaan tidak waras akal - Sama ada pembelaan dibuktikan atas imbangan kebarangkalian - Sama ada kesemua unsur pertuduhan dibuktikan - Sama ada sabitan dan hukuman betul dan sah - Sama ada sabitan selamat - Kanun Keseksaan, ss. 84 & 302*

Perayu di dalam kes ini telah dituduh membunuh mangsa dengan menggunakan sebilah parang panjang, di mana mangsa mengalami kecederaan parah di bahagian belakang leher dan atas kepala di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Di akhir kes, perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati. Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut. Perayu membangkitkan pembelaan di bawah s. 84 Kanun, antara lain, bahawa pada masa kejadian, dia merupakan seorang yang tidak waras akal dan tidak berkeupayaan mengetahui bahawa apa yang dilakukannya adalah

A salah dan bertentangan dengan undang-undang. Perayu juga menimbulkan isu tentang perbezaan di antara "legal insanity" dan "medical insanity" dan menghujah bahawa Pesuruhjaya Kehakiman ('PK') telah gagal untuk membezakan antara kedua-duanya.

B **Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan hukuman)**

Oleh Ramly Ali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

C **(1)** Perbezaan antara "legal insanity" dan "medical insanity" tidak relevan dalam mentafsirkan pembelaan insanity di bawah s. 84 Kanun. Apa yang perlu dibuktikan adalah sama ada peruntukan s. 84 yang berbentuk "legal insanity" dapat dipenuhi dan bukannya tentang "medical insanity" (*PP v. Muhamad Suhaimi Abdul Aziz*, dirujuk). PK telah pun menimbangkan perkara ini D dan membezakan di antara "legal insanity" dan "medical insanity" dalam alasan penghakimannya. Dengan itu, dakwaan bahawa PK gagal membezakan "legal insanity" dan "medical insanity" adalah tidak berasas dan tidak dapat diterima. (perenggan 10, 13 & 14)

E **(2)** PK telah menilai kesemua keterangan yang berkaitan dan memutuskan perayu sebenarnya tahu bahawa apa yang dilakukannya semasa kejadian adalah merupakan satu kesalahan dan dengan itu menafikan pembelaan perayu bahawa dia hilang F ingatan semasa kejadian tersebut. Berdasarkan undang-undang dan keterangan yang sedia ada, PK telah membuat kesimpulan yang betul bahawa perayu sebenarnya berniat untuk menyebabkan kematian mangsa. Mahkamah ini juga bersetuju bahawa kecederaan yang dikenakan ke atas mangsa semasa G kejadian adalah "focus attack" dan bukannya kecederaan "at random at anyone in his way". (perenggan 19, 20 & 21)

(3) Tiada merit dalam hujahan bahawa perayu sebenarnya "unfit to plead" dan menyebabkan prosiding perbicaraan ke atasnya H sebagai tidak sah dan terbatal. Keterangan pakar tidak menyatakan bahawa perayu tidak berkeupayaan untuk memplid. Malah, semasa pertuduhan dibacakan, perayu mengakui memahami pertuduhan tersebut dan telah memplid tidak bersalah. Tidak terdapat sebarang tanda yang ditimbulkan I sepanjang perbicaraan yang menunjukkan bahawa perayu tidak memahami atau tidak dapat mengikuti prosiding berkenaan sehingga selesai. (perenggan 25)

(4) Kesemua ingredien bagi membuktikan pertuduhan telah pun dibuktikan oleh pendakwaan mengikut undang-undang dan pembelaan tidak waras akal tidak dibuktikan oleh perayu atas imbangan kebarangkalian. PK telah mengguna pakai prinsip undang-undang yang betul berdasarkan kepada kesemua keterangan yang dikemukakan sepanjang perbicaraan. Dengan itu, sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah betul dan sah di sisi undang-undang dan sabitan tersebut adalah selamat (*Mohd Johi Mohd Said & Anor v. PP*, diikuti). (perenggan 26)

English *Translation Of Headnotes*

The appellant in this case was charged with murdering the victim with a long machete, where the victim suffered severe injuries on the back of his neck and on his head under s. 302 of the Penal Code ('the Code'). At the end of the case, the appellant was convicted and sentenced to death. The appellant appealed against the decision. The appellant raised the defence under s. 84 of the Code, *inter alia*, that at the time of the incident, he was insane and was unable to understand that what he was doing was wrong and against the law. The appellant also raised the issues as to the distinction between legal insanity and medical insanity and contended that the Judicial Commissioner ('JC') had failed to distinguish the two.

Held (dismissing appeal; affirming conviction and sentence) Per Ramly Ali JCA delivering the judgment of the court:

(1) The distinction between legal insanity and medical insanity was irrelevant in construing the defence of insanity under s. 84 of the Code. What must be proven was whether the provisions of s. 84 in the form of legal insanity were satisfied and not concerned with medical insanity (*PP v. Muhamad Suhaimi Abdul Aziz*, refd). The JC had considered the matters and made the distinction between legal insanity and medical insanity in his grounds of judgment. Hence, the contention that the JC had failed to distinguish legal insanity and medical insanity was without basis and was inadmissible.

(2) The JC had evaluated all the relevant evidence and concluded that the appellant knew that what he had done at the time of the incident was wrong and therefore negated the defence of the appellant that he had lost his memory during the incident. Based on the law and available evidence, the JC had rightly

A concluded that the appellant had the intention to cause the victim's death. The court also agreed that the injuries inflicted upon the victim at the time of the incident were focused attack and not injuries which were inflicted at random at anyone in his way.

B

(3) There was no merit in the contention that the appellant was in fact unfit to plead and thus rendering the proceedings of trial against him null and void. The expert testimony did not state that the appellant was unfit to plead. In fact, when the C charge was read to him, the appellant admitted to have understood the charge and pleaded not guilty. There were no signs shown throughout the trial to indicate that the appellant did not understand or could not follow the proceedings till the end.

D

(4) The court was in agreement with the High Court that all the ingredients to prove the charge had been established by the prosecution in accordance to the law and the defence of insanity had not been proven by the appellant on a balance of probability. The JC had applied the correct principles of law E based on all the evidence adduced throughout the trial. Hence, the conviction and sentence imposed on the appellant was correct and lawful and the conviction was safe (*Mohd Johi Mohd Said & Anor v. PP*, refd).

F **Kes-kes yang dirujuk:**
Goh Yoke v. PP [1969] 1 LNS 48 FC ***(dirujuk)***
John Nyumbei v. PP [2007] 2 CLJ 509 CA ***(dirujuk)***
Juraimi Husin v. PP [1998] 2 CLJ 383 CA ***(dirujuk)***
Mohd Johi Mohd Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA ***(diikuti)***
G *PP v. Muhamad Suhaimi Abdul Aziz [2004] 1 CLJ 378 CA* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 84, 302

Sumber-sumber yang dirujuk:
H *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes*, 25th edn, p 280

Bagi pihak perayu - Alex Siew; T/n Alex Siew & Co
Bagi pihak responden - Farah Ezlin Yusop Khan; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Sandakan; Perbicaraan Jenayah No: S-45-02-2008]

I

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Ramly Ali HMR:

[1] Rayuan di dalam kes ini adalah terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Sandakan bertarikh 15 Januari 2010 di mana perayu telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman mati.

[2] Pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 14hb Januari 2007 jam lebih kurang 0600 pagi, bertempat di kawasan Kongsi Pekerja Pengkalan Bot Ladang Asiatik Jambongan, Sugut Beluran, di dalam Daerah Beluran, di dalam Negeri Sabah, dengan niat telah menetak mangsa penama Dirman bin Bennu (L) 25 Tahun, B/Bugis Bone dengan menggunakan sebilah parang panjang jenis slashing, yang mana mangsa telah mengalami kecederaan parah di bahagian belakang leher dan atas kepala dan mangsa meninggal dunia di tempat kejadian. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan membunuh yang boleh didakwa dan dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan Undang-Undang Malaysia.

[3] Fakta kes mengikut keterangan yang diperolehi semasa perbicaraan adalah seperti berikut:

> Pada tarikh 14 Januari 2007 lebih kurang jam 0600 pagi, tertuduh telah datang ke Kongsi Pekerja Pengkalan Bot Ladang Asiatik Jambongan sambil membawa sebilah parang jenis slashing di tangan. Ketika tertuduh menghampiri kongsi pekerja, kehadirannya telah disedari oleh lain-lain pekerja menyebabkan kesemua pekerja melarikan diri demi untuk keselamatan sendiri.
>
> Mangsa (si mati) yang baru terjaga dari tidur pada ketika itu terus melarikan diri tanpa mengetahui apa yang berlaku dan dari mana datangnya ancaman. Ketika mangsa berada di luar kongsi dan membuang air kecil di belakang lori tidak jauh dari kongsi, dengan tiba-tiba tertuduh mendatangi mangsa dari arah belakang dan terus menetak bahagian belakang leher mangsa hingga mangsa terjatuh dan tertuduh terus menetak mangsa. Setelah mangsa mengalami kecederaan yang teruk dan tidak mampu lagi untuk bergerak, tertuduh berpatah balik ke kongsi dan membakar kongsi pekerja sehingga hangus dan turut terbakar ialah sebuah lori yang diletakkan tidak jauh dari sisi kongsi.

[4] Pesuruhjaya Kehakiman telah mensabitkan perayu terhadap pertuduhan dan telah menjatuhkan hukuman mati ke atas perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

[5] Mengikut petisyen rayuan yang difailkan oleh perayu, beliau membangkitkan alasan-alasan berikut tentang mengapa beliau tidak berpuas hati dengan keputusan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi tersebut:

(a) Pesuruhjaya Kehakiman terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal menilai keterangan yang menunjukkan bahawa perayu tidak waras akal dan tidak berkeupayaan mengetahui bahawa apa yang beliau lakukan adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang pada masa kejadian;

(b) Pesuruhjaya Kehakiman terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana memutuskan perayu bersalah atas pertuduhan dan menghukum mati ke atas perayu walaupun perayu telah membuktikan di atas imbangan kebarangkalian bahawa perayu tidak waras akal dan tidak berkeupayaan mengetahui bahawa apa yang beliau lakukan adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang pada masa kejadian;

(c) Pesuruhjaya Kehakiman terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana memerintahkan perayu untuk membuat pembelaan walaupun terdapat keterangan yang menunjukkan perayu tidak waras akal dan tidak berkeupayaan mengetahui bahawa apa yang beliau lakukan adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang pada masa kejadian, dan tidak berkemampuan untuk plid; dan

(d) Pesuruhjaya Kehakiman di dalam keputusannya gagal membezakan di antara 'legal insanity' dengan 'medical insanity'.

[6] Isu yang ditimbulkan oleh perayu di dalam rayuan ini sebagai pembelaannya ialah bahawa pada masa kejadian berlaku beliau merupakan seorang yang tidak waras akal (insane) dan tidak berkeupayaan mengetahui bahawa apa yang beliau lakukan adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang. Isu ini adalah merupakan suatu pembelaan di bawah s. 84 Kanun Keseksaan.

[7] Beban pembuktian untuk pembelaan insanity adalah berdasarkan di atas imbangan kebarangkalian (on the balance of probabilities). Prinsip ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Goh Yoke v. PP* [1969] 1 LNS 48; [1970] 1 MLJ 65; dan *Juraimi Husin v. PP* [1998] 2 CLJ 383).

[8] Peruntukan s. 84 Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

> 84. Act of a person of unsound mind:
>
> Nothing is an offence which is done by a person who, at the time of doing it, by reason of unsoundness of mind, is incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law.

[9] Dalam mentafsirkan peruntukan s. 84, Mahkamah Rayuan di dalam kes *John Nyumbei v. PP* [2007] 2 CLJ 509, pernah memutuskan:

> This section exempts a person found to be insane of any criminal responsibility if is found that he is 'incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law' (see commentary in *Ratanlal and Dirajlal's Law of Crimes* (25th Ed) p 280). The learned authors there further commented that a person 'is not protected if he knew that what he was doing was wrong, even if he did not know that it was contrary to law, and also, if he knew what he was doing was contrary to law even though he did not know that it was wrong.

[10] Perayu menimbulkan isu tentang perbezaan di antara 'legal insanity' dengan 'medical insanity' dan menghujahkan bahawa Pesuruhjaya Kehakiman dalam keputusannya telah gagal untuk membezakan di antara keduanya. Mahkamah ini berpendapat bahawa perbezaan tersebut adalah tidak relevan di dalam mentafsirkan pembelaan insanity di bawah s. 84 Kanun Keseksaan. Apa yang perlu dibuktikan adalah sama ada peruntukan s. 84 yang berbentuk 'legal insanity' dapat dipenuhi dan bukannya tentang 'medical insanity' seperti yang didakwa oleh perayu.

[11] Prinsip ini pernah diputuskan oleh Arifin Zakaria JCA dalam kes *PP v. Muhamad Suhaimi Abdul Aziz* [2004] 1 CLJ 378 seperti berikut:

> It is settled law that the defence of insanity under s. 84 is concerned with the accused's legal responsibility at the time of the alleged offence and not with whether he was medically insane at that time. See *Pendakwa Raya v. Zainal Abidin bin Mohd Zaid* [1993] 1 CLJ 147 and *PP v. Mishah bt Saad* [1998] 1 CLJ 759.

[12] Mengikut buku teks *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (25th edn.) ms. 280:

> Thus, under s. 84 Penal Code, criminality has to be determined according to that legal test and not merely by the mental state of an accused person according to the medical test.
>
> There is a distinction between the notion of a legal insanity and medical insanity. Not every form of insanity exempts a person from criminal responsibility. Only legal insanity provides that exemption under s. 84 Penal Code. The specie of insanity addressed by s. 84 is the one that impairs the cognitive faculties of a person. Its nature and extent must be that to make the offender incapable of knowing the nature of his act, or that what he is doing is wrong or contrary to law. The criminality of an act therefore must be determined by this test laid down in s 84 as distinguished from the medical test.

Prinsip di atas pernah diikuti oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *John Nyumbei (supra)*.

[13] Pesuruhjaya Kehakiman telah pun menimbangkan perkara ini dan membezakan di antara 'legal insanity' dengan 'medical insanity' dalam alasan penghakimannya. Di perenggan 89, alasan penghakiman tersebut, Pesuruhjaya Kehakiman menyatakan:

> In the light of the legal principle stated above, when plea of insanity is raised, the court has to consider two issues. Firstly, whether the accused has established that at the time of committing the act he was laboring under such a defect of reasons, from disease of mind, as not to know the nature and the quality of the act he was doing. Secondly, if he did know it, that he did not know what he was doing was wrong. (See: *R v. Kemp* [1956] 40 Cr App R 121). Thus, the test applicable is the test of legal insanity and not medical insanity.

[14] Oleh itu, dakwaan perayu yang mengatakan Pesuruhjaya Kehakiman dalam penghakimannya gagal membezakan di antara 'legal insanity' dengan 'medical insanity' adalah tidak berasas dan tidak dapat diterima.

[15] Untuk membuktikan yang perayu tidak waras akal semasa kejadian berlaku, beliau berlandaskan kepada keterangan-keterangan berikut:

(a) keterangan PW7 yang mengatakan perayu 'looked like he was out of his mind' memandangkan muka beliau marah (face was red) dan beliau merenung tajam kepada PW7;

(b) keterangan PW9 yang mengatakan pada mula beliau melihat perayu, perayu nampak 'happy' dan tersenyum bila beliau menyerah diri kepada Korporal Azrin;

(c) keterangan PW10 yang mengatakan semasa perayu membuat laporan tentang kebakaran kongsi berkenaan perayu nampak macam baru bangun tidur (he looked like just waking up from sleep and drowsy - he look strange because the way he spoke was very difficult to understand ie, his speech was very blur and not clear); dan

(d) keterangan PW16 yang mengatakan bahawa perayu memberitahu beliau yang perayu tidak sihat selama 3 - 4 hari sebelum kejadian; dan perayu ada memberitahu beliau yang perayu ingat insiden yang berlaku tetapi semasa kejadian beliau tidak tahu apa yang telah dilakukan.

[16] Mengikut hujahan perayu, daripada keterangan-keterangan di atas, telah ada tanda-tanda yang menunjukkan perayu merupakan tidak waras akal semasa kejadian berlaku.

[17] Pesuruhjaya Kehakiman menolak dakwaan peguam perayu yang mengatakan keadaan perayu yang tersenyum semasa menyerah diri kepada Korporal Azrin tidak dapat diterima sebagai satu petunjuk bahawa perayu tidak waras akal semasa kejadian. Di dalam alasan penghakimannya Pesuruhjaya Kehakiman menyatakan seperti berikut:

> The above question on inappropriate smiling as can be seen is a general question, with no reference being made to the accused. The question to be asked is other than the smile observed by PW9, did the accused continue to smile inappropriately as indicative of mental disorder? The answer is that there is no evidence which would suggest that the accused consistently smiled inappropriately after the arrest or during the period of observation. Thus, it can be logically inferred that the accused's inappropriate smiling as observed by PW9 was only for a short duration and is not indicative of mental disorder.

[18] Pesuruhjaya Kehakiman juga telah meneliti dan menilai keterangan tentang perayu tidak cukup tidur dan tidak dapat ingat dengan jelas tentang apa yang telah berlaku; dan telah

memutuskan bahawa keterangan sedemikian tidak ada kaitan untuk menunjukkan perayu tidak waras akal semasa kejadian. Ini dijelaskan dalam alasan penghakiman beliau seperti berikut:

> The questions to be asked are whether the accused could have mental illness which relapsed due to lack of sleep? Could the accused have underlying mental disorder that was exacerbated by the sleep deprivation?
>
> My answers to both questions are in the negative. Here are my reasons for saying so. The accused himself did not say he had suffered from mental illness before. Further, it is the clear testimony of the accused that he did not have illness in year 2007 or on that fateful day between 5.00 and 6.30 am or that day (Q&A 705 to 712 NOP).
>
> It will be recalled DW2's testimony that momentary loss of mind is a type of mental disorder. But momentarily lapses of mind usually refer to a period and not in seconds or minutes but in days or weeks. DW2 also testified that in most cases of mental disorder, it will remit only with medication or other form of psychological intervention. It is very uncommon for a mental disorder to remit without the above intervention.

[19] Berdasarkan keseluruhan keterangan yang ada, Pesuruhjaya Kehakiman juga telah memutuskan bahawa perayu sebenarnya tahu apa yang beliau lakukan semasa kejadian adalah merupakan suatu kesalahan. Ini jelas daripada alasan penghakiman beliau di ms. 458 Rekod Rayuan:

> The combined evidence of PW3 and PW10 shows that within a short time after the killing of the deceased, without aid of medication and psychological intervention, the accused could remember that he had burnt down a building and that it was wrong (logical inference from requesting the manager to call the police). It goes to show that the accused was aware not only of the nature of what he had done i.e. burning down the building, he also knew that what he had done was wrong.

[20] Pesuruhjaya Kehakiman juga berpendapat bahawa perayu mengetahui bahawa beliau telah menyebabkan kematian mangsa (si mati), sekali gus menafikan pembelaan perayu bahawa kononnya beliau hilang ingatan semasa kejadian. Untuk tujuan itu Pesuruhjaya Kehakiman telah menilai semua keterangan yang berkaitan. Ini jelas dinyatakan dalam alasan penghakiman beliau:

> In the present case the evidence shows that the accused recovered from his alleged loss of memory speedily without any medication or any form of psychological intervention. The accused was seen

> getting into a lorry about fifteen minutes after the PW4 heard the shouting "Boy had a parang". The accused drove the lorry to the office and then told PW10 he had burnt a building and asked PW10 to call the police. The speedy recovery of memory and the knowledge that he had done something wrong (logical inference from asking PW6 to call the Police) demonstrates that the accused was conscious not only of what he had done, he was also aware that what he had done was wrong in law. Although the accused did not tell PW6 that he had killed the deceased, in view of the proximity in time of the two incidents, it is logical and irresistible inference that the accused must also be aware of the killing of the deceased. In my judgment, it is highly improbable that the accused was suffering from loss of memory due to not having sleep for a long time. To my mind, the alleged loss of memory is not due to "cognitive or organic causes in the mind", rather it is selective memory which blocked out what he did not want to remember because of remorse.

[21] Mahkamah ini juga bersetuju dengan pendapat Pesuruhjaya Kehakiman bahawa kecederaan yang dikenakan ke atas mangsa semasa kejadian adalah merupakan 'focus attack' dan bukannya kecederaan 'at random at anyone in his way.' Pesuruhjaya Kehakiman telah membuat keputusan yang betul bila beliau menyatakan:

> Combined the above with the speed at which he allegedly recovered his consciousness after the slashing incident; I find it highly improbable that the accused was running amok. I accept DW2's opinion that it is not a case of amok for the accused.

[22] Peguam perayu juga telah menimbulkan isu bahawa perayu berada di dalam keadaan halusinasi (hallucination) semasa kejadian berlaku. Isu ini juga telah dipertimbangkan sama oleh Pesuruhjaya Kehakiman dan beliau telah memutuskan:

> In my judgment, the evidence of hallucination regardless whether it was recorded on two occasions or nine occasions does not support the defence's contention that the accused's mind was substantially impaired at the time of the incident. I say so because it was never the defence case that on the day of the incident he heard voices telling him to do something to the deceased and that it was taking control of him.

[23] Pesuruhjaya Kehakiman juga telah membuat kesimpulan yang betul berdasarkan undang-undang dan keterangan yang ada bahawa perayu sebenarnya berniat untuk menyebabkan kematian ke atas mangsa. Ini jelas dikatakan dalam alasan penghakimannya:

> In my judgment, the evidence of the accused repeatedly slashing the deceased's vital part of the body and inflicted 14 slashes and cut wounds on the deceased indicates that he could have had no other intention than to cause death. It also shows that the accused had done an imminently dangerous act which he must undoubtedly be held to have intended to cause injuries sufficient in the ordinary course of event to cause death.

[24] Saksi pakar (DW2) yang dipanggil oleh perayu dalam keterangan bebasnya tidak mengesahkan bahawa perayu merupakan seorang tidak waras akal atau mengalami penyakit mental semasa kejadian berlaku. DW2 juga menolak teori bahawa kecederaan yang dikenakan ke atas mangsa akibat orang 'mengamok'. Perayu sendiri dalam keterangannya tidak menyatakan tentang beliau berada dalam keadaan tidak waras akal semasa berlaku kejadian.

[25] Peguam perayu juga menghujahkan bahawa perayu sebenarnya 'unfit to plead' dan ia menyebabkan prosiding perbicaraan ke atasnya sebagai tidak sah dan terbatal (null and void). Mahkamah ini berpendapat hujahan ini tiada merit. Keterangan pakar (DW2) tidak menyatakan bahawa perayu tidak berkeupayaan untuk plid (unfit to plead). Malahan mengikut nota prosiding, semasa pertuduhan dibacakan kepada perayu di permulaan prosiding (di dalam Bahasa Malaysia), beliau mengakui faham pertuduhan tersebut dan telah plid tidak bersalah (pleads not guilty). Juga tiada sebarang petanda yang ditimbulkan sepanjang perbicaraan yang menunjukkan perayu tidak faham atau tidak dapat mengikuti prosiding berkenaan sehingga selesai.

[26] Secara keseluruhan, mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa Pesuruhjaya Kehakiman tidak khilaf di dalam keputusan beliau yang mendapati perayu disabitkan dengan pertuduhan dan menjatuhkan hukuman mati ke atasnya. Pesuruhjaya Kehakiman telah mengguna pakai prinsip undang-undang yang betul berdasarkan kepada semua keterangan yang dikemukakan sepanjang perbicaraan. Kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah betul dan sah di sisi undang-undang. Sabitan tersebut adalah selamat

(safe) berdasarkan prinsip yang pernah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Mohd Johi Mohd Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389 iaitu:

> ... in a criminal case the duty of the court is to consider whether the conviction is right. The correct approach is therefore not whether the decision is wrong but whether the conviction is safe.

Penutup

[27] Mahkamah ini juga tertarik dengan penutup (conclusion) yang telah diputuskan oleh Pesuruhjaya Kehakiman yang berbunyi:

> At the conclusion of the whole case, I do not accept or believe the accused's explanation. Nor has it raised in my mind a reasonable doubt as to his guilt. I am satisfied that the prosecution has proved the charge preferred against the accused beyond reasonable doubt. I therefore convicted the Accused of the charge preferred against him and sentenced him to death.

[28] Mahkamah ini bersependapat dengan Mahkamah Tinggi bahawa semua ingredien bagi membuktikan pertuduhan berkenaan telah pun dibuktikan oleh pendakwaan mengikut undang-undang dan pembelaan tidak waras akal tidak dibuktikan oleh perayu di atas imbangan kebarangkalian.

[29] Mahkamah ini bersetuju dan menerima pakai keputusan Pesuruhjaya Kehakiman. Tidak ada sebab mengapa mahkamah ini perlu mengganggu keputusan tersebut. Oleh yang demikian, Mahkamah ini sebulat suara menolak rayuan ini dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang diputuskan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi.